

Mahathir yakin EAEC jadi kenyataan

GEORGETOWN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin cadangan Malaysia untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) akan tercapai, walaupun masih ada negara di Asia Timur yang tidak menyetujuinya.

Perdana Menteri berkata, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah bersabar dan tidak bersikap terburu-buru kerana lambat-laun negara

terbabit akan menyokong juga penubuhan gagasan itu.

Menurutnya, sikap dan pendirian Jepun misalnya, berhubung perkara itu masih tergantung serta berbelah bagi.

"Ini kerana ada setengah pihak di Jepun yang menerima dan menyokong penubuhan gagasan itu, manakala ada yang belum menetapkan pendiriannya.

"Malah, ada beberapa

pihak di Jepun yang menentang cadangan itu semata-mata kerana Amerika Syarikat tidak menyetujuinya. Saya fikir kita perlu bersabar, akhirnya hasrat untuk menubuhkan EAEC pasti akan berjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dialog Pasifik di sini, hari ini.

Pada sidang kemuncak Kyushu-Asia di Jepun bulan lalu, Dr Mahathir membidas sikap Jepun

yang agak keberatan untuk menyokong EAEC semata-mata kerana mahu menjaga hati Amerika Syarikat.

Mengenai pertemuannya dengan beberapa perwakilan Amerika Syarikat ke dialog itu, beliau Mahathir menjelaskan pertemuan hampir sejam dengan enam senator terbabit lebih tertumpu kepada topik pelaburan Amerika di negara ini.

"Saya memberitahu

mereka mengenai pentingnya Amerika untuk meningkatkan pelaburannya di Malaysia serta keperluan bagi negara itu melaksanakan pemindahan teknologinya ke negara ini.

"Saya juga jelaskan kepada mereka mengenai bidang yang perlu mereka melabur di Malaysia. Kita sentiasa menggalakkan Amerika Syarikat untuk melabur di negara ini," katanya.